

Nasional

PLUS rangka inisiatif utama keselesaan pengguna

Cadang waktu perjalanan, henti sementara kerja selenggara

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: PLUS Malaysia Berhad (PLUS) merangka pelbagai inisiatif bagi membantu pengguna lebuhraya menikmati perjalanan yang selamat, lancar dan selesa sempena Tahun Baharu Cina minggu depan.

Antara inisiatif itu adalah mengeluarkan Jadual Cadangan Waktu Perjalanan (TTA) dan menghentikan sementara kerja penyelenggaraan, serta pembaikan di lebuhraya bermula 22 Januari hingga 2 Februari ini.

PLUS turut memperingkatkan kerjasama dengan pihak berkuasa seperti polis, Jabatan Bomba dan Penyelamat, selain meningkatkan jumlah kakitangan sebagai persediaan memberi bantuan ketika waktu kecemasan.

Lebih banyak tandas awam tambahan dan tangki air bergerak akan di-

sediakan di beberapa lokasi di lebuhraya, termasuk menyediakan 70 kiosk tambah nilai layanan diri (mesin SSK) bagi menampung jumlah trafik yang meningkat.

Pengarah Urusan PLUS, Datuk Azman Ismail, berkata matlamat utama syarikat itu adalah menjaga pengguna lebuhraya dengan baik di sepanjang perjalanan mereka.

"Dengan menyediakan persiapan daripada pelbagai aspek semasa musim perayaan ini, kami juga mengeluarkan TTA bagi membantu pelanggan membuat keputusan dalam merancang perjalanan mereka."

"Berdasarkan TTA dikeluarkan, pelanggan lebuhraya dari Lembah Klang yang menuju ke Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Utara Perak dan Johor, dinasihatkan supaya memasuki lebuhraya lebih awal sebelum jam 9 pagi.

"Pelanggan yang menuju ke lain-lain destinasi seperti Ipoh, Negeri Sembil-



Kami juga keluarkan TTA bagi bantu pelanggan buat keputusan rancang perjalanan mereka.

Azman Ismail,
Pegawai Urusan PLUS

an dan Melaka, disarankan supaya memasuki lebuhraya selepas jam 12 tengah hari," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Justeru, semua pengguna lebuhraya dinasihatkan untuk mematuhi jadual perjalanan yang disyorkan bagi mengurangkan potensi pertambahan masa perjalanan di lebuhraya.

Cadangan waktu perjalanan di Lebuhraya Utara-Selatan

Sempena cuti perayaan Tahun Baharu Cina
20 Januari 2020 - 2 Februari 2020

